

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah apakah metodologi yang digunakan untuk semakan Paras Garis Kemiskinan yang dipinda daripada RM980 kepada RM2208 dan apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi jumlah golongan miskin yang meningkat kesan daripada semakan Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang dibuat baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tambun, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Kaedah pengukuran kemiskinan mutlak ini menjadi amalan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa antaranya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations*) dan diamalkan oleh kebanyakan negara membangun.
2. Kajian semula metodologi PGK 2019 dengan menambahbaik metodologi PGK 2005 telah mengekalkan tiga komponen asas iaitu:
  - i. Keperluan makanan;
  - ii. Keperluan bukan makanan; dan
  - iii. Ciri-ciri isi rumah.
3. Pada tahun 2019, elemen yang diambil kira dalam keperluan makanan dan bukan makanan ditambah baik untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Konsep PGK makanan berubah daripada keperluan 'minimum' kalori kepada keperluan 'optimum minimum' yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan. Bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 telah bertambah dari 106 kepada 146 item dan mengambil kira perubahan pola perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan semasa.
4. Berdasarkan metodologi PGK 2019, PGK nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan, berbanding dengan PGK 2016 yang mengguna pakai metodologi 2005 iaitu RM980 sebulan. Dengan menggunakan metodologi PGK 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6% meliputi 405,441 isi rumah pada tahun 2019 berbanding 7.6% meliputi 525,743 isi rumah pada tahun 2016. Kadar kemiskinan bandar adalah

3.8% dan kadar kemiskinan luar bandar sebanyak 12.4% bagi tahun 2019.

5. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada agenda pembasmian kemiskinan dalam pelan pembangunan negara sehingga kini. Sehubungan itu, Kerajaan pada 2 September 2020 telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menangani kemiskinan. Jawatankuasa Khas ini akan membincangkan perkara berkaitan dengan dasar dan strategi serta inisiatif pembasmian kemiskinan termasuk peranan Kementerian dan agensi yang terlibat bagi memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan dan tidak terlepas daripada jaringan keselamatan sosial.
6. Bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan keupayaan isi rumah ini, isi rumah miskin dan berpendapatan rendah dari kumpulan B40 diberi keutamaan dalam bantuan sosial merangkumi pendidikan, kesihatan, perumahan, keusahawanan dan bantuan sara hidup.
7. Di samping Bantuan Sara Hidup (BSH) sedia ada, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) berupa kewangan dan bantuan lain juga diberikan kepada kumpulan isi rumah B40 berpendapatan RM4,000 ke bawah dengan jumlah RM1,600. BPN juga diberi kepada M40 yang berpendapatan RM8,000 ke bawah dengan sejumlah RM1,000 memandangkan mereka juga berhadapan dengan isu pendapatan dan pekerjaan disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.